

Judul	Pelajar UMS-KAL menang RM10,000
Pengarang	
Akhbar	Borneo Post
Tarikh	10 Mei 2008
Bahasa	Melayu
Mukasurat	6

Pelajar UMS-KAL menang RM10,000

LABUAN: Pelajar tahun akhir Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Ros Nadia Zainuddin, berjaya membawa pulang hadiah berjumlah RM10,000 pada Malam Anugerah "Nextgen Contentpreneurship" yang dianjurkan oleh pihak Astro dengan kerjasama MDec dan KMM.

Rancangan ini akan disiarkan pada 11 Mei di dalam siaran Astro Ria.

Ros Nadia terkejut dengan anugerah yang diberikan kerana beliau tidak menyangka Projek Tahun Akhir yang diselia oleh pensyarahnya, Idyawati Hussein berjaya memenangi kategori khas Penggunaan Kreatif Medium Multimedia.

Tajuk projek tahun akhir Ros Nadia yang berupa sebuah dokumentari pendek ialah "10 Most Common Habits of UMS-KAL Students" yang dinyatakan sebagai projek yang sangat "humble" dan natural oleh hakim.

Terdapat 10 kategori yang dipertandingkan iaitu kategori Dokumentari, Kesan Bunyi Terbaik dan Skrip Layar Terbaik.

Turut bertanding Institusi

Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan IPTS termasuk Universiti Tuanku Abdul Rahman (UTAR), Universiti Lim Kok Wing, Universiti Multimedia dan Universiti Malaya.

Astro berjaya menonjolkan bakat generasi muda dalam menghasilkan karya melalui penggunaan medium-medium seperti text, gambar, video, bunyi dan animasi.

Kemenangan Ros Nadia itu wajar dijadikan contoh oleh pelajar lain agar tidak berasa rendah diri untuk menghantar hasil kerja asli mereka kepada pihak lain seperti Astro yang cuba untuk menampilkan bakat-bakat muda dalam menggunakan teknologi komputer untuk penghasilan aplikasi multimedia seperti filem dan iklan pendek, klip video, animasi 2D dan 3D serta hasil karya kreatif masing-masing.

Bantuan dan sokongan daripada pensyarah selaku penyelia pelajar juga amat diperlukan untuk menghasilkan kerja-kerja pelajar yang berkualiti tinggi.

Kejayaan Ros Nadia membuktikan faktor geografi sesuatu IPT seperti SSIL yang terletak jauh di Pulau Labuan tidak



Ros Nadia Zainudin (berdiri) bersama Idyawati.

menyekat penghasilan kerja yang mempunyai pelbagai yang mampu menandingi kemudahan teknologi kualiti pelajar IPT lain canggih.